

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala pujian hanya buat Allah s.w.t kerana limpahan kasih sayang, pertolongan dan perlindunganMu terhadap hambaMu yang kerdil ini. Setinggi penghargaan buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung pada penghasilan kajian ini. Pertamanya, penghargaan kepada penyelia, Dr Zawawi Ismail, yang sentiasa bersabar dengan amanah ini, sentiasa bersedia menjadi sumber inspirasi, pembakar semangat, pengingat tika lupa, penenang tika lemah. Saya amat bersyukur dan rasa bertuah dapat mengenali dan mendapat bimbingannya. Moga Allah permudahkan urusan dunia dan akhirat beliau. Terima kasih kepada barisan penilai kajian saya di peringkat Fakulti Pendidikan dalam perbentangan Seminar 1, Seminar 2 dan Viva iaitu Dr Muhammad Azhar Zailani, Dr Zaharah Husin, Dr Chin Hai Leng, Dr Norlidah Alias, PM Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri dan Prof Dr Mohamed Amin Embi yang banyak memberi idea dan komen membina. Tidak lupa juga para pensyarah dan staf sokongan yang sentiasa bersedia memberi bantuan dalam skop bidang kerja masing-masing.

Sekalung penghargaan buat teman seperjuangan dalam medan jihad ini, Naziroh Ibrahim dan Raihaniah Zakaria yang mengharungi kepayahan dan kesulitan bersama-sama, saling lengkap melengkapi dan berganding bahu bersama. Begitu juga para sahabat Dr Mohd Rusdi Mahamud, Nazimah Ngah, Aznida Aziz, Saidah Harith, Dr Zahiyah Harith, Dr Ahmad Sobri Saad, rakan-rakan JAPIM Perlis, rakan-rakan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia dan di universiti-universiti yang memberi kerjasama yang utuh dalam kajian ini. Selain itu, terima kasih pada para panel pakar, para pensyarah dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Teristimewa buat suami tercinta, Ahmad Zaini Samsudin, terima kasih yang tidak mampu diucap atas kasih sayang dan kecintaan, kekuatan semangat, keyakinan tinggi, dorongan dan bantuan tanpa jemu, jua penerimaan pada kekurangan dan kekangan masa sepanjang tempoh kajian ini. Untuk anak-anak mama tersayang yang berenam, Afa Afiah, Atfa Humaira, Asla Sofia, Ahmad Ashmal, Ahmad Audad dan Ahmad Affan, semoga usaha mama yang sedikit ini menjadi semangat untuk anak-anak jejak langkah mama dan moga kalian menjadi anak-anak yang berjaya di dunia dan akhirat. Juga terima kasih buat nenek tersayang, MamaNali, ibu dan bapa mertua, adik beradik Dr Mohd Akmal, Dr Mohd Akram dan Ali Karimi yang banyak memberi tips dan semangat buat kakak, ipar duai, Arwah Pak Lang dan Mak Lang sekeluarga yang banyak membantu dan sentiasa mendoakan. Akhir dan yang istimewa buat insan yang telah memberi dorongan dari kecil hingga menjadi cita-cita untuk menggapai PhD, Al-Marhum Ustaz Dahlan Mohd Zain dan Al-Marhumah Umami Halimaton Lebai Hussin yang telah kembali ke hadratNya, inilah janji anakmu. Moga anakmu ini menjadi anak, ibu, isteri dan hamba Allah yang solehah. Moga amalan usaha dalam medan ilmu ini mencapai Mardhatillah. Moga ilmu dan ayat-ayat dalam tesis ini dikongsi semua yang diangkat Allah menjadi amal soleh. Amin.